

27/05/2002

Manfaatkan Kampung Buku Malaysia di Langkawi

Wan Jailani Razak

PENGUNJUNG tempatan lazimnya singgah di Kampung Buku Malaysia (KBM) Langkawi dengan lagak seorang pelancong. Selepas bergambar kenangan di sekitar pekarangan kampung buku pertama di Asia Tenggara serta ke-18 dunia itu dan bertanya sepatah dua, mereka pulang dengan tangan kosong. Ikuti hasil wawancara wartawan BH, WAN JAILANI RAZAK bersama Pengurus KBM, Hashim Ismail, dalam satu pertemuan di Lubuk Semilang, Langkawi, baru-baru ini mengenai sikap pelawat tempatan ketika pihak pengurusan gigih berusaha memartabatkan KBM di peta dunia.

BH: Siapa dan bagaimana idea untuk membuka KBM ini bermula?

HASHIM: Sebelum dirasmikan pada 1997, idea penubuhan KBM ini dicetuskan oleh Tan Sri Sanusi Junid (bekas Menteri Besar Kedah). Beliau suka membaca dan mempunyai ramai kawan pecinta buku di seluruh dunia. Dalam satu lawatan ke Eropah, beliau terbaca sebuah majalah penerbangan mengenai sebuah kampung buku di Redu, Belgium. Beliau terus ke sana dan apa yang dilihat serta dialami di situ, mencetuskan ilham untuk beliau menubuhkan sebuah kampung buku di Malaysia. Ketika itu, ada 17 kampung buku di dunia dengan yang terbesar di Hay on Wye di Wales, diikuti Kampung Buku Bredevoord di Holland dan Kampung Buku Redu di Belgium.

Kampung Buku Hay on Wye itu sudah berkembang daripada sebuah perkampungan buku sehingga menjadi sebuah pekan kampung buku yang menempatkan lebih 260 kedai buku dengan lebih sejuta naskhah.

Paling menarik ialah kampung buku di Bredevoord kerana di situ ada banyak buku berkaitan negara kita dan dalam bahasa Melayu serta bahasa Indonesia. Di situ, kita akan mendapati sebuah mahligai lama yang besar dengan seluruh bangunan dipenuhi buku dalam bahasa Melayu dan Indonesia, dinamakan 'koleksi gemilang'. Kalau kita mahu mencari khazanah dokumentasi kita pada masa silam, di situlah tempatnya yang sesuai.

Berdasarkan ilham inilah, Sanusi yang ketika itu Menteri Besar Kedah mencadangkan supaya sebuah kampung buku ditubuhkan di Langkawi dan beliau berjaya. Ketika itu KBM adalah kampung buku ke-18 dunia, pertama di Malaysia dan Asia Tenggara. Di Asia, kampung buku hanya ada di Jepun.

BH: Berapa banyak himpunan buku dan corak bacaan bagaimana ada di KBM?

HASHIM: Kita mempunyai enam kedai buku ketika dirasmikan pada 1997. Ketika itu kita menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 100,000 buku di setiap kedai tetapi berikutan kegawatan ekonomi pada 1998, kita gagal mencapai sasaran itu.

Bagaimanapun, ketika ini ada kira-kira 60,000 judul buku di enam kedai. Bagi setiap kedai, kita khaskan bidang tertentu dan kita namakan kedai mengikut nama pengasas kampung buku dunia. Contohnya kedai buku Hank Ruessink,

Di KBM juga ada kedai buku Darul Fikir iaitu kedai paling popular dan paling mendapat sambutan kerana ia dikhaskan bagi buku bercorak keagamaan, khasnya agama Islam. Sehingga sekarang, kedai ini berjaya memenuhi hasrat pembaca bagi setiap tahap golongan. Di sini juga ada satu koleksi 500 naskhah buku antik yang berusia lebih 40 tahun, berkulit keras dengan edisi pertama. Paling istimewa ialah sebuah al-Quran yang ditulis tangan berusia lebih 100 tahun dan dibeli dengan harga RM100,000 di Sotheby, London.

Selain itu, kita boleh mendapati banyak manuskrip lama berkaitan negara kita di sini, termasuk buku karangan ulama di negara ini dan karangan orientalis mengenai bahasa dan bangsa Melayu. Sebagai contoh, kita

mempunyai kamus asal karangan Wilkinson, kamus Melayu Perancis, kamus karangan Richard Winstedt dan buku mengenai masyarakat Melayu zaman silam seperti buku 'The Real Malay' dan 'The Further Sight of Silence'. Buku ini sungguh hebat dan saya yakin kalau cendekiawan baca, mereka pasti terkejut. Ia payah untuk didapati dan kita juga mempunyai hikayat lama. Ia menjadi tarikan kepada intelek Melayu dan penggemar buku antik dari negara Eropah seperti England, Belanda dan Australia.

Kita juga ada kedai Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang menghimpunkan apa sahaja buku keluaran DBP. Di kedai buku Pok Ropeah pula, ia lebih tertumpu kepada buku bacaan ringan khas untuk pelancong dan menjadi cukup popular. Di sini, kita menyediakan buku lama bagi memastikan harga dapat kekal rendah dan kebanyakan novel yang dijual di sini berharga tidak lebih RM10. Di sini juga kita ada buku mengenai pemimpin negara seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

BH: Sambutan pengunjung ke KBM dikatakan dingin kerana difahamkan penduduk tempatan tidak berminat untuk mengunjungi KBM, kenapa? Adakah ia berkaitan dengan budaya membaca di kalangan penduduk tempatan yang masih kurang?

HASHIM: Kalau dikatakan dingin kerana penduduk tempatan tidak datang, saya amat bersetuju dengan anda kerana selama lebih empat tahun KBM dibuka, tidak ramai penduduk tempatan datang semata-mata untuk mencari bahan ilmu. Mungkin ini disebabkan oleh minat membaca masih kurang dan mereka juga mungkin lebih suka bersantai atau berkelah di Lubuk Semilang ini.

Kita bagaimanapun mendapat sambutan hebat daripada pengunjung luar negara terutama pelancong luar yang datang dengan kapal layar sendiri. Mereka selalunya singgah di Langkawi selepas berbulan lamanya di laut dan memerlukan banyak bahan bacaan. Jadi, mereka tertumpu ke sini untuk mendapatkan bahan bacaan. Ada juga buku yang mereka habis baca dijual kepada kami sebelum mereka membeli buku baru. Oleh itu, selain buku berbahasa Inggeris, kita juga ada koleksi buku bahasa Jerman, Finland, Perancis dan pelbagai bahasa yang dijual oleh pelaut ini.

Bagi pelancong berbangsa Inggeris pula, kebanyakan mereka membeli buku karangan William Shakespeare untuk dibawa balik ke England. Ada tiga sebab mengapa buku Shakespeare menjadi popular. Pertama, harganya yang murah kerana selalunya buku klasik dijual pada harga mahal di negara mereka. Kedua, susah untuk dapat di sana dan ketiga, buku yang dijual di sini masih sempurna dan 'unabridged'.

BH: Golongan pengunjung yang bagaimanakah kerap melawat KBM selepas pengunjung tempatan didapati lebih gemar bersantai di jeram yang terdapat di KBM?

HASHIM: Golongan yang kerap mengunjungi KBM terdiri daripada mereka yang suka membaca. Saya masih ingat ada satu keluarga seorang profesor dari Perlis mesti datang ke sini bersama keluarga pada setiap tahun dan mereka membelanjakan sehingga RM1,000 untuk bahan bacaan. Guru dan tok guru juga ramai datang untuk mencari buku agama selain golongan bermusim. Contohnya, apabila hampir bulan puasa atau haji, kita banyak menjual buku yang ada kaitan puasa dan haji.

BH: Apakah keistimewaan yang ada di KBM untuk orang ramai menjadikannya sebagai satu destinasi mesti lawat?

HASHIM: Tema tidak rasmi bagi KBM ialah ilmu dan alam. Kepada orang yang sukakan alam, di sinilah tempatnya kerana kita masih menyimpan tumbuhan hutan tropika. Ternyata ia menjadi tarikan terutama pengunjung dari Timur Tengah, Finland, Norway, Sweden kerana mereka amat gemar melihat alam semula jadi di sini. Satu aspek lagi, ilmu. Di sinilah kita boleh menimba ilmu sambil berehat.

Di KBM juga kita menyediakan himpunan buku antik. Ia adalah antara usaha

kita untuk menarik minat pelawat. Satu-satunya tempat di Langkawi yang tidak mengenakan bayaran kepada pengunjung ialah KBM. Pengunjung tidak dikenakan bayaran masuk atau meletak kenderaan. Sebaliknya, mereka boleh membeli buku sambil bersantai di tepi sungai. Selepas habis membaca buku, mereka boleh serah untuk dijual balik kepada KBM. Kalau diserahkan pada hari yang sama, kita membeli dengan harga sama tetapi kita akan membeli dengan harga kurang 20 sen berbanding harga asal mereka beli untuk setiap sehari lewat.

BH: Apakah perancangan masa depan KBM untuk menarik kehadiran lebih ramai pengunjung sekali gus bersaing dengan kampung buku yang ada di seluruh dunia?

HASHIM: Berdasarkan pengalaman, ramai pengunjung datang bertanyakan buku khas yang kita tidak ada. Contoh, mereka bertanyakan mengenai buku 'The Natural History of Malaysia'. Buku itu tidak ada dan kita juga tidak menyediakan buku dengan tajuk khusus seperti arkeologi dan astronomi sedangkan di kampung buku di Eropah, ia memang sudah ada. Jadi, kita bercadang untuk menyediakan kedai buku khas untuk itu. Selain itu, kita ada banyak rancangan untuk memartabatkan KBM di peta dunia tetapi tetapi tidak boleh diulas lanjut berikutan kekangan kewangan.

BH: Ada pendapat mengatakan KBM wajar ditutup kerana gagal mencapai matlamat penubuhannya. Apa pendapat anda mengenainya?

HASHIM: Ini terpulang kepada pendapat seseorang. Kalau seseorang itu ilmuan, biasa datang ke sini, perkara ini tidak akan berlaku kerana potensi kampung buku cukup luas. Dalam bidang ilmu, kita boleh buat apa saja. Cuma mungkin idea tutup ini kerana mereka datang ke sini sebagai pelancong dan bukan sebagai seorang ilmuan. Kami hanya bertiga bertugas di sini. Bagaimanapun, KBM tidak pernah ditutup kepada kunjungan orang ramai kecuali hari raya. Kita bekerja atas dasar suka rela dan berbudi kepada ilmu. Jadi, saya rasa mungkin ini satu pendapat liar. Kita tidak akan tutup sebaliknya akan membanyakkan lagi kedai buku.

Saya harap pengunjung tempatan datang ke sini untuk menimba ilmu dan serius untuk mendapatkan bahan bacaan. Berdasarkan pengalaman saya, pelawat tempatan lazimnya datang sebagai seorang pelancong. Mereka datang untuk ambil gambar, tanya sikit dan pergi tanpa membeli buku. Kita juga memerlukan keuntungan untuk membesarkan kampung buku kita. Kalau semua yang datang membeli buku, insya-Allah KBM tidak akan ditutup.

(END)